

MODAL INSAN: ULASAN TENTANG SITUASI SEMASA, CABARAN DAN HALA TUJU KE HADAPAN MENGUNAKAN INDEKS MODAL INSAN (HCI) DI MALAYSIA

HUMAN CAPITAL: A REVIEW OF CURRENT SITUATION, CHALLENGES AND THE WAY FORWARD USING THE HUMAN CAPITAL INDEX (HCI) IN MALAYSIA

Noorziah Mohd Salleh¹
Jabil Mapjabil²
Rosmiza M. Z.³

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kampus Sabah
(E-mel: noorziah@sabah.uitm.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

³Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
(E-mel: miza@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Noorziah Mohd Salleh, Jabil Mapjabil & Rosmiza M. Z. (2021). Modal Insan: Ulasan tentang situasi semasa, cabaran dan hala tuju ke hadapan menggunakan indeks modal insan (HCI) di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (36), 61 - 71.

Abstrak: Reka bentuk Rancangan Malaysia (1966-2020) terdiri daripada beberapa strategi bersepadu dengan tujuan utama membangunkan dan menambah baik beberapa bidang, seperti pertumbuhan ekonomi, kemandirian, penghapusan pengangguran, pengurangan ketaksamaan pendapatan, penghapusan kemiskinan, dan pemodenan ekonomi negara. Kejayaan pelbagai rancangan tersebut sebahagian besarnya ditentukan dengan mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada bidang-bidang sedemikian. Salah satu penentu kejayaan ekonomi yang utama bagi sesebuah negara adalah melalui modal insannya. Makalah ini meneliti situasi semasa modal insan Malaysia, cabaran sedia ada dan hala tuju ke hadapan. Perbincangan di dalam kertas ulasan ini berdasarkan data sekunder yang pada asasnya menilai kadar pengangguran siswazah, peruntukan belanjawan 2020 dan pendapat penganalisis tentang belanjawan negara, serta data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020. Bukti yang dibahaskan di dalam makalah ini menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap pembangunan aset fizikal berbanding dengan manusia. Artikel ini mencadangkan bahawa kerajaan perlu melaksanakan rancangan modal insan untuk menggerakkan potensi ekonomi dan profesional warga negaranya dengan lebih baik melalui pemantauan pembangunan Modal Insan (HC) menggunakan Indeks Modal Insan (Human Capital Index - HCI), iaitu suatu sistem pengukuran yang dicadangkan oleh Bank Dunia pada tahun 2018. Indeks tersebut mengukur tahap kerugian nilai modal insan yang dihadapi di setiap negara akibat kurang fokus diberikan

di dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Indeks ini pertama kali disiarkan pada Oktober 2018 oleh Bank Dunia, dan berdasarkan indeks ini, Malaysia berada di kedudukan ke 55 daripada 157 buah negara.

Kata Kunci: Indeks Modal Insan, cabaran Sumber Manusia (HR), masa depan HRM, HRM di Malaysia

Abstract: *In the Malaysia Plan (1966-2020) several integrated strategies are included with the main objective of developing and improving several areas, such as economic growth, self-sufficiency, job creation, income inequality reduction, poverty eradication, and modernization of the nation's economy. In order to determine the success of these various plans, it is important to identify the factors that contribute to their success. Economic success for a country depends largely on the quality of its human capital. This paper examines the current state of Malaysia's human capital, existing challenges, and future prospects. This discussion is based on secondary data that assesses the graduate unemployment rate, 2020 budget allocation and analysts' opinion on the national budget, as well as data from the Department of Statistics Malaysia, 2020. In this paper, we discuss evidence that indicates a high tendency towards the development of physical assets. This review paper suggests that the government should implement human capital plans so as to better mobilize the economic and professional potential of its citizens by monitoring the development of Human Capital (HC) using the Human Capital Index (HCI), which is a measure system proposed by the World Bank in 2018. This index measures the degree of loss of human capital in each country as a result of an inadequate focus on education and health. Malaysia is ranked 55th out of 157 countries in this index, which was published by the World Bank in October 2018.*

Keywords: *Human Capital Index, Human Resource (HR) Challenges, Future of HRM, HRM in Malaysia*

Pengenalan

Pemahaman sejarah perkembangan intelektual modal insan sesebuah negara adalah sangat penting supaya aset utama tersebut dapat ditonjolkan agar pertumbuhan ekonomi dapat dibina dengan lebih baik. Sesebuah negara hendaklah memastikan bahawa rakyatnya dipupuk dan menjadikan mereka sebagai aset paling utama dalam semua aspek. Mengabaikan modal insan adalah suatu kesilapan besar memandangkan rakyat juga dianggap sebagai sumber kelebihan berdayasaing negara. Pelaburan yang besar terhadap sumber manusia harus dilaksanakan, lebih-lebih lagi di dalam persekitaran perniagaan yang seringkali berubah. Pertumbuhan ekonomi mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan manusia. Pertumbuhan ekonomi yang positif boleh dicapai melalui penyebaran pengetahuan dengan penambahbaikan kemahiran pekerja. Tenaga kerja yang berpengetahuan akan meningkatkan produktiviti. Walaupun topik sumber manusia telah dibincangkan secara meluas di dalam literatur, namun, nampaknya tiada pendekatan atau kaedah ramalan yang sesuai ditemui sehinggalah Bank Dunia memperkenalkan kaedah yang dikenali sebagai Indeks Modal Insan (HCI) (Aart, 2018). HCI ialah teknik baharu yang meramalkan produktiviti rakyat sesebuah negara pada masa depan.

HCI ialah indek yang mengukur tahap kesihatan, kualiti pendidikan dan pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak di dalam sesebuah negara, kesemua perkara ini dianggap penting

dan samada mereka ini akan memberi manfaat kepada produktiviti negara apabila kanak-kanak tersebut mencapai umur 18 tahun. Oleh yang demikian, untuk mewujudkan populasi yang sihat dan negara yang makmur, kesejahteraan menyeluruh kanak-kanak wajar diambil berat, khususnya kesihatan dan pendidikan mereka. Walau bagaimanapun, banyak negara, termasuk Malaysia, kelihatan lebih cenderung melabur dengan banyak dalam aset fizikal, namun kurang di dalam pembangunan modal insan (Bank Dunia, 2018). Ini jelas ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia RMK-9, RMK-10 dan RMK-11. Nisbah peruntukan antara projek bukan fizikal dengan projek fizikal beranjak daripada 22:78 dalam RMK-9 kepada 40:60 di dalam RMK-10 (UK Essays, 2018). Dalam RMK-11, tumpuan telah diberikan pada tiga industri utama: elektrik dan elektronik (E&E), mekanikal dan elektrik (M&E) dan kimia; sementara itu, rancangan tersebut turut merangkumi sektor-sektor lain seperti aeroangkasa, peranti perubatan, automotif, petrokimia serta tekstil dan perkhidmatan (Rosli, 2019). Ini jelas menunjukkan bahawa RMK-11 juga turut menumpukkan kepada aset fizikal. Separuh daripada perbelanjaan pembangunan bernilai RM260 bilion diperuntukkan kepada prasarana tetapi hanya 30 peratus diperuntukkan kepada sekolah dan kemudahan penjagaan kesihatan (Surendran, 2015).

Malaysia berada di kedudukan ke-55 dalam Indeks Modal Insan yang diperkenalkan oleh Bank Dunia 2018, ketinggalan di belakang Singapura yang berada di kedudukan teratas dalam senarai. Malaysia mendapat skor 0.62 berbanding dengan Singapura 0.88. Korea Selatan (0.84%), Jepun (0.84%) dan Hong Kong (0.82%) menyusul di belakang Singapura (Bank Dunia, 2021). Skor modal insan terendah adalah negara Chad (0.27%) (Murugiah, 2018). Dengan menonjolkan keruncingan situasi modal insan semasa, masalah dan cadangan penyelesaian, ini mampu mewujudkan kesedaran yang diperlukan berhubung dengan kepentingan mendahulukan rakyat untuk meraih hasil dalam jangkamasa panjang.

Terdapat beberapa sebab yang membolehkan Malaysia mencapai tahap indek modal insan yang lebih tinggi. Pertama, negara ini telah bebas daripada penjajahan British selama hampir 64 tahun. Populasi negara yang telah melebihi 32.7 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021) dan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang stabil, dengan purata pertumbuhan antara 4.5 dan 5.5 peratus pada tahun kebelakangan ini, dan memperoleh keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak ASD364.7 bilion pada 2019 (Bank Dunia, 2020) adalah satu pencapaian yang baik. Boleh dikatakan bahawa negara kita berada pada kedudukan yang kukuh, seiring dengan negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Filipina (Bank Dunia, 2019). Pertumbuhan ekonomi yang konsisten, kadar penyertaan tenaga kerja yang tinggi (68.4%) dan kadar pengangguran yang rendah (3.3%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020) sedikit sebanyak juga banyak menyumbang kepada penarafan Malaysia sebagai negara yang ke-17 paling berdaya saing dalam sektor pengeluaran global (rujuk Indeks Daya Saing Pengeluaran Global, Deloitte Touche Tohmatsu 2016 - Deloitte.com). Menerusi perspektif teknologi dan inovasi, Malaysia berada di kedudukan ke-37 secara global antara kalangan 127 negara dan negara ke-8 di Asia dalam Indeks Inovasi Global 2017, iaitu sebuah projek yang dikendalikan oleh Cornell University, INSEAD dan WIPO (The Star Online, 2019). Laporan Ketersediaan Pengeluaran Masa Depan (*Readiness for the Future of Production Report* (2018) turut menjelaskan bahawa Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada masa depan industri 4.0 (MITI, 2019). Kemungkinan besar ekonomi Malaysia mampu dan bersedia menuju ke arah industri 4.0 dan mampu menyokong persediaan yang diperlukan untuk industri tersebut. Walaupun Malaysia nampaknya seperti mempunyai kelebihan yang ketara, negara ini masih menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja manusia; manusia yang berkemahiran dan cekap

untuk keperluan pekerjaan di masa hadapan yang diperlukan untuk pekerjaan masa depan (Monash Malaysia, 2018).

RMK-11 menggalakkan usaha ke arah menjadikan Wawasan 2020 suatu kenyataan, matlamat untuk menjadi negara maju, serta memperkukuh komitmen kerajaan demi mencapai pertumbuhan ekonomi masa depan dengan menumpukan perhatian pada pertumbuhan KDNK dan kesejahteraan rakyat. Demi merealisasikan matlamat Wawasan 2020, menurut Bank Dunia, sesebuah negara maju harus mempunyai pendapatan per kapita negara sekurang-kurangnya ASD12,236 setiap tahun. Namun, pada 2018, pendapatan per kapita kasar negara dianggarkan hanya bernilai ASD10,321 (MIDA, 2019). Kedua, seperti yang disebutkan sebelum ini, Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk menjadi sebuah negara maju, kerana sebahagian besar pelabur negara ini terdiri daripada lima pelabur utama di dunia iaitu: China (yang menyumbang 16.7% daripada semua pelaburan asing), Singapura (12.9%), Amerika Syarikat (8.3%), Jepun (7.1%) dan Thailand (5.6%). Pasaran utamanya, yang menyumbang 51.3 peratus eksport negara, ialah China (13.9%), Singapura (13.9%), Amerika Syarikat (9.1%), Hong Kong (7.5%) dan Jepun (6.9%) juga adalah satu penyumbang utama pendapatan negara ini (MATRADE, 2019). Justeru, negara ini mempunyai begitu banyak peluang untuk berjaya; walau bagaimanapun, Malaysia masih perlu meningkatkan hasil tenaga kerjanya dan melaraskan pembangunan kemahiran rakyat dengan penuh berdedikasi. Hal ini hendaklah selari dengan permintaan pasaran tenaga kerja demi mencapai tujuan sedemikian (ICEF Monitor, 2017). Rancangan pembangunan prasarana yang pesat di dalam negara memerlukan pelaburan modal insan yang cekap bagi memacu ekonomi negara. Ini juga akan menyokong pertumbuhan industri kerana modal insan berfungsi sebagai tulang belakang rancangan-rancangan negara dan juga bertindak sebagai pemangkin bagi mendorong pertumbuhan ekonomi negara terutama di dalam menghadapi industri 4.0. Sehingga kini, masih banyak lagi cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam negara ini.

Metodologi Kajian

Kertas berbentuk ulasan ini menggunakan pelbagai sumber yang diperolehi daripada data daripada laman web kementerian, jurnal kajian terdahulu dan sumber yang tersedia di atas talian yang berkaitan dengan isu dibincangkan di dalam kertas ulasan ini.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Cabaran Sumber Manusia di Malaysia


Terdapat lebih kurang 15.6 juta orang yang bekerja di Malaysia pada tahun 2020 dan kadar penyertaan tenaga kerja ialah 68.4 peratus (Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, Malaysia, 2020). Negara ini juga menikmati kadar pengangguran yang rendah, iaitu hanya 4.5 peratus pada tahun yang sama. Walaupun pasaran tenaga kerja kelihatan kukuh, ekonomi tempatan hanya menumpukan kepada pekerjaan berkemahiran sederhana daripada melaksanakan rancangan yang berinovatif tinggi (Bank Dunia, 2018). Akibatnya, industri di negara ini sangat bergantung pada tenaga kerja asing yang murah. Ini juga menyebabkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang terhad, dan bekalan siswazah yang cekap dan bersedia untuk industri tidak mencukupi. Dalam Tinjauan Ekonomi OECD (2016) yang memberi gambaran keseluruhan tahap kehidupan dalam negara tertentu sebagai ukuran keterangkuman pertumbuhan, Malaysia memperoleh skor yang cukup baik dalam sesetengah penunjuk, khususnya dalam guna tenaga jangka panjang. Namun begitu, negara ini mempunyai kelemahan relatif dalam bidang yang berkaitan dengan pencapaian pendidikan, kemahiran dan pendapatan peribadi (Tinjauan

Ekonomi OECD, Malaysia 2016; Penilaian Ekonomi, 2016). Kecekapan, kemahiran insani dan kemahiran teknikal (kemahiran meta) para siswazah Malaysia sentiasa dikatakan tidak mencukupi (Mohd Salleh, Emelifeonwu, Winterton & Mow Chan, 2018) dan menjadi penyebab utama pencari kerja tidak berupaya mendapatkan pekerjaan dalam sektor tertentu.

Ketidakserasian antara keperluan antara keperluan majikan dan produk pendidikan tinggi mungkin menyumbang kepada kadar pengangguran belia yang tinggi, lantas menyebabkan prestasi ekonomi negara yang sederhana (Mohd Salleh, N., Majjabil, J., & Legino, R. (2019). Walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi yang positif pada 2017, kadar pengangguran siswazah tetap tinggi iaitu 10.5 peratus iaitu dianggarkan tiga kali kadar pengangguran negara pada 2016 (Halim, 2018). Malah, Malaysia mempunyai kadar pengangguran belia yang ketiga tertinggi di rantau Asia Pasifik selepas Indonesia dan Korea Selatan (Kewangan Pembangunan Perindustrian Malaysia, 2017). Namun demikian, antara sebab yang menyebabkan kadar pengangguran Malaysia lebih rendah dibandingkan dengan dua negara yang disebutkan sebelum ini adalah kerana ekonomi Malaysia yang secara relatifnya lebih kukuh, kepadatan populasi yang lebih rendah dan kadar amalan rasuah yang lebih rendah berbanding dengan Indonesia (Gupta, 2017; Hana, 2010, "Indeks Tanggapan Rasuah Malaysia", 2021).

Pada 2016, suatu kajian oleh Bank Negara menyatakan bahawa penciptaan pekerjaan dalam ekonomi Malaysia terus tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana (ICEF Monitor, 2018). Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa terdapat kadar pengangguran yang lebih tinggi di kalangan belia yang berpendidikan tinggi berbanding mereka yang tanpa pendidikan tinggi (Rajah 1). Kira-kira 9.8 peratus belia tanpa pendidikan tinggi diambil bekerja pada 2020, tetapi hanya 4.8 peratus belia berpendidikan tinggi daripada kumpulan umur setara mendapat pekerjaan pada tahun yang sama. Siswazah Malaysia kurang mempunyai ciri-ciri yang penting seperti sikap, kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritikal dan kemahiran penyelesaian masalah, keupayaan teknologi (kemahiran teknikal) dan ciri-ciri lain; khususnya kekurangan kualiti ‘semangat kental’ dan keupayaan untuk melakukan pelbagai tugas (Salleh et al., 2018). Tiga cabaran utama yang menjadikan pengangguran belia masih belum selesai adalah ketakpadanan kemahiran, sistem pendidikan yang tidak berkesan dan bilangan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan para siswazah yang agak terhad.

Rajah 1: Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia Individu bekerja mengikut tahap pendidikan



Sumber: Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020).

Kebanyakan pekerjaan yang tersedia di Malaysia merangkumi bidang perkhidmatan, jualan, pekerjaan profesional dan pekerjaan permulaan (Jadual 1). Jenis pekerjaan ini termasuk kerja yang kotor, berbahaya atau sukar, yang juga dikenali sebagai pekerjaan 3D. Pekerjaan yang kurang menarik perhatian para siswazah dan penduduk setempat biasanya diisi oleh 1.7 juta pekerja asing tidak mahir di negara ini (Star Online, 2017). Mengikut Tinjauan Tenaga Buruh (2020), kira-kira 15 peratus tenaga kerja di negara ini ialah pekerja asing, yang sebahagian besarnya berkhidmat dalam bidang pekerjaan berkemahiran rendah. Kebanyakan pekerja tidak mahir terdiri daripada rakyat Indonesia (728,870) yang biasanya diambil bekerja sebagai pembantu rumah atau pekerja binaan. Para pekerja asing yang datang yang lain adalah dari negara Indonesia, Bangladesh, Nepal dan Filipina (Star Online, 2017). Jadual berikut menunjukkan bahawa hanya 12.5% pekerjaan profesional tersedia pada 2019 dan 2020. Terdapat bilangan kerja yang sangat terhad dalam kategori lain yang turut memerlukan kemahiran kognitif, contohnya, penggubal undang-undang, pegawai dan pengurus kanan, juruteknik, kakitangan profesional bersekutu dan pekerja mahir dalam bidang pertanian dan perikanan, yang hanya mencatat angka 9.8 peratus pada 2020. Jenis pekerjaan ini dianggap sangat kompetitif dan biasanya diisi oleh ekspatriat mahir, seperti di hotel lima bintang. Hotel Sama-Sama, antara hotel yang terbaik dan termoden menggaji pekerja asing untuk menguruskan syarikat perhotelan tersebut. Pengendali telekomunikasi terkemuka di Malaysia iaitu Maxis turut melantik rakyat Norway sebagai Ketua Pegawai Eksekutif untuk meneraju syarikat ini. Intel Corporation mempunyai seorang ekspatriat Amerika sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikatnya. Berdasarkan perbincangan di atas, Malaysia mesti menambah baik beberapa bidang, terutamanya sektor pendidikan dan ekonomi negara.

Ekonomi Malaysia bergantung pada sektor perkhidmatan (61.82%) dan perkilangan (27.2%). Lebih daripada 80 peratus daripada tenaga kerja berkemahiran rendah dan separa digunakan di sektor-sektor ini. Pada 2020, kadar individu mahir yang diambil kerja telah meningkat daripada 27.5 peratus kepada 28.2 peratus. Individu berkemahiran separa mencatatkan kadar pengambilan kerja yang rendah, menurun sebanyak 0.2 peratus kepada 59.9 peratus (Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, 2020).

Jadual 1: Pekerjaan (%)

Pekerjaan	2020	2019
Pengurus	5.4	4.6
Kakitangan profesional	12.5	12.5
Juruteknik dan kakitangan profesional bersekutu	10.3	10.4
Pekerja sokongan perkeranian	8.3	8.4
Pekerja perkhidmatan dan jualan	24.3	22.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	6.1	6.2
Pekerja pertukangan dan seni tukang yang berkaitan	9.8	10.5
Pengendali dan pemasang perkilangan dan mesin	11.3	12.4
Pekerjaan permulaan	11.9	12.4

Sumber: Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Jadual 2: Tahap Kemahiran (%)

	2020	2019
Mahir	28.2	27.5
Separa mahir	59.9	60.1
Kemahiran rendah	11.9	12.4

Sumber: Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Berhubung peluang pekerjaan di Malaysia, para individu tanpa latar pendidikan tinggi ialah golongan yang paling kerap terpilih bekerja (Rajah 1). Hal ini disebabkan oleh ketersediaan kerja yang berkemahiran rendah, seperti yang dinyatakan sebelum ini. Malaysia tidak mampu untuk mewujudkan pekerjaan yang memerlukan pengetahuan mendalam dan berinovasi. Namun begitu, pada 2020, terdapat sedikit perubahan dalam pencapaian pendidikan untuk individu yang bekerja, apabila pengambilan tahap pendidikan menengah di Malaysia menurun daripada 8.4 peratus kepada 8.3 peratus. Manakala, kadar individu berpendidikan tinggi yang diambil bekerja meningkat daripada 4.4 peratus kepada 4.8 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya. Walaupun ini suatu perubahan yang positif, peratusan yang terlibat adalah terlalu kecil untuk membuat sebarang kesimpulan yang kukuh. Oleh itu, perhatian yang serius masih perlu diberikan kepada pendidikan generasi hari ini supaya lebih ramai individu mampu memiliki kebolehan yang diperlukan untuk meneroka sektor pengetahuan mendalam yang lebih berinovasi yang dapat membuka peluang baharu. Individu berkemahiran sedemikian diperlukan supaya jenis tenaga kerja ini boleh mengatasi tenaga kerja berkemahiran rendah. Pekerja selalunya ditawarkan kerja yang berkemahiran rendah, iaitu jenis pekerjaan yang paling biasa terdapat di negara ini (Laporan Tinjauan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020); dengan itu, negara ini tidak berupaya mencapai pendapatan per kapita yang disasarkan bagi meningkatkan statusnya dan menjadi negara yang maju.

Seperti yang dibincangkan, boleh disimpulkan bahawa Malaysia sering menumpukan pada pelaburan fizikal dan kurang pada kesejahteraan rakyat. Beberapa projek prasarana utama yang sedang dilaksanakan, antaranya ialah Lebuhraya Pan Borneo dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), dengan kos masing-masing bernilai ASD7.05 dan ASD10.5 bilion. Projek-projek pembinaan mega oleh kerajaan ini diharapkan dapat menarik pelbagai aktiviti ekonomi pada 2019 (Mahalalingam, 2019). Walau bagaimanapun, pada tahun yang sama, peruntukan belanjawan biasiswa di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dikurangkan sebanyak 33 peratus dan menurut laporan EduAdvisor (2019); pengurangan 33 peratus akan membawa kepada persaingan sengit sewaktu permohonan biasiswa pada tahun akan datang (Loh, 2021). Meskipun hasil daripada kemajuan prasarana yang pesat ini pasti akan mendorong pembangunan negara, modal insan masih lagi menjadi pemacu utama bagi pelbagai projek prasarana mega ini, maka pengurangan belanjawan pendidikan bukanlah suatu langkah yang bijak ianya merugikan. Tambahan lagi, belanjawan yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia khususnya bagi sektor pendidikan secara relatifnya masih rendah berbanding dengan jumlah yang disediakan untuk prasarana. Sebagai perbandingan di dalam makalah ini, perbincangan hanya dibuat sekitar peruntukan belanjawan pada 2019 dan tahun-tahun sebelumnya, bagi mengelakkan pengaruh pandemik yang telah dilaksanakan dalam rancangan belanjawan untuk tahun 2020 dan 2021.

Berdasarkan perbandingan yang dikemukakan dalam jadual 3(a) di bawah, belanjawan untuk sektor pendidikan dan kesihatan di Malaysia telah dikurangkan secara berterusan dalam jumlah

Ringgit Malaysia yang agak besar sejak 2011. Terdapat jumlah pengurangan konsisten yang telah dibuat dalam tempoh lapan tahun dengan nilai antara RM2 bilion dan RM3 bilion sejak 2011 sehingga 2018. Tidak seperti di Singapura, yang mempunyai skor indek modal insan yang tertinggi di dunia, rancangan belanjawan negara tersebut untuk sektor yang berkaitan tidak menunjukkan pengurangan yang ketara, menandakan bahawa negara ini serius tentang kemajuan rakyatnya. Belanjawan yang diperuntukkan untuk sektor kesihatan dan pendidikan di Singapura sememangnya besar sejak 2010, yang hanya menunjukkan peratusan pengurangan yang kecil pada 2012, iaitu hanya sebanyak 0.14 peratus, dan pengurangan kecil lain sebanyak 0.04 peratus bagi jumlah perbelanjaan 2014 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3(b) Singapura: Perbelanjaan kesihatan sebagai sebahagian KDNK | Statista, (2021). Jumlah dolar yang diperuntukkan dan pengurangan yang kecil dalam sektor berkenaan menunjukkan bahawa kerajaan dan pihak berkepentingan menyedari tentang keutamaan negara dan menyokong rakyatnya untuk lebih maju dan berdaya saing.

Kesimpulan

Hala Tuju ke Depan

Sejak rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Malaysia tidak lagi berhadapan dengan sebarang malapetaka yang melibatkan pembunuhan atau keganasan. Negara masih kekal harmoni dan sejahtera sejak peristiwa terburuk tersebut dalam sejarah negara. Semua pihak tidak mahu kejadian seperti itu berulang lagi. Kestabilan sosioekonomi dan politik menjadi kunci pertumbuhan ekonomi. Sungguhpun begitu, pelaburan terhadap rakyat terus diabaikan yang sangat memerlukan lebih banyak tumpuan, memandangkan pembangunan modal insan adalah penyelesaian kepada cabaran semasa seperti yang dibincangkan sebelum ini. Demi merealisasikan objektif utama RMK-11, perkara berikut dinyatakan sebagai suatu keperluan: Meningkatkan keterangkuman ke arah kesaksamaan masyarakat, meningkatkan kesejahteraan semua pihak, memacu pembangunan modal insan untuk menjadi negara maju, mencapai pertumbuhan hijau untuk kelestarian dan kemampanan, memperkukuh prasarana untuk menyokong pengembangan ekonomi dan membina semula pertumbuhan ekonomi untuk kemakmuran yang lebih baik (Unit Perancangan Ekonomi, 2016). Jelas sekali bahawa matlamat pertama, kedua dan ketiga adalah demi pembangunan sumber manusia, walau bagaimanapun, kelihatan seakan-akan rancangan tersebut belum lagi dilaksanakan seperti yang dinyatakan.

Seperti yang disebutkan dalam makalah sebelum ini, Indek Modal Insan, mesti diterapkan; iaitu perkara yang berkenaan dengan pendidikan dan kesihatan. Perkara membabitkan kesihatan termasuk peningkatan kekuatan fizikal, pembangunan kognitif dan anggaran ketinggian. Sementara itu, perkara berhubung pendidikan diukur oleh data seperti jangkaan tahun persekolahan, ketekalan dalam skor ujian, kualiti pendidikan dan peluang kembali ke alam pendidikan (ini merujuk kepada tambahan tahun persekolahan). Bagi mencapai matlamat menjadi negara maju dan makmur, Malaysia mestilah mula menyediakan kesihatan dan pendidikan yang baik untuk rakyatnya. Sokongan pembangunan insan harus bermula ketika seseorang anak dilahirkan ataupun, jika berdasarkan kriteria Indeks Modal Insan, ini dikira sejak seseorang ibu mula mengandung. Kualiti kesihatan (kehidupan yang panjang dan sihat) dan pendidikan yang berkualiti mungkin membolehkan kemunculan keupayaan kognitif yang membawa kepada taraf hidup yang baik. Ini seharusnya menjadi fokus utama dalam dasar kerajaan semasa, dan bukan sekadar pembangunan aset fizikal. Modal insan adalah mekanisme penting di sebalik pembangunan sosial dan ekonomi negara. Membina kesedaran bahawa anak-anak yang dilahirkan hari ini merupakan tenaga kerja pada masa depan sememangnya penting.

Kekurangan produktiviti mungkin terjadi disebabkan beberapa faktor seperti kanak-kanak mungkin tidak membesar menjadi sihat dan cergas, boleh hadir ke sekolah atau belajar ketika mereka di sekolah, dan mungkin tidak dapat membesar menjadi orang dewasa yang sihat. Hakikat bahawa setiap individu seharusnya menjalani proses pembangunan manusia yang lancar mesti diberi keutamaan. Hal ini akan menggalakkan keupayaan kognitif, yang akan mempengaruhi keadaan sosial dan prestasi ekonomi Malaysia pada masa depan.

Indeks Modal Insan (HCI) menggunakan anggaran pulangan ekonomi pendidikan dan kesihatan untuk mengemukakan hasil pendidikan dan kesihatan dalam nilai yang sama: unit produktiviti. Proses kelahiran, perkembangan yang sihat, persekolahan dan kematian masih dianggap kedua penting, mengikut peruntukan rancangan belanjawan 2020 (Unjuran Fiskal Kementerian Kewangan 2020) Dengan skor Indeks Modal Insan 0.60, Malaysia memerlukan bentuk modal insan yang baharu memandangkan negara ini mempunyai latar belakang sosioekonomi dan politik yang kukuh. Malaysia harus mengamati negara lain yang telah berjaya memupuk pembangunan modal insan mereka. Kaedah yang dilaksanakan Singapura, yang mempunyai skor HCI tertinggi di dunia (0.88) patut diteliti. Sistem Pembangunan Sumber Manusia (HRD) menjadi titik tumpu negara tersebut, yang telah menjadi rancangan ekonomi strategiknya sejak awal 1990-an (Osman-Gani AM, 2004). Pelajaran berharga: rakyat menjadi keutamaan yang lebih penting mengatasi semua agenda lain.

Jepun ialah sebuah negara lain yang berjaya melaksanakan pelaburan terhadap penduduknya sejak tahun 1960-an di bawah pentadbiran perdana menteri Hayato Ikeda pada ketika itu. Perdana Menteri itu telah lama ditolak oleh rakyatnya sehinggalah beliau mula menumpukan perhatian kepada memperbaiki kehidupan keluarga yang rentan dan yang mengalami kemiskinan. Segala usaha ini berjaya menghasilkan produktiviti yang tinggi semasa tempoh beliau mentadbir negara. Kini, Jepun, Singapura, Korea Selatan dan China adalah di antara negara-negara yang mempunyai skor Indeks Modal Insan yang tinggi pada 2020. Negara-negara ini menghargai warganegara mereka dan melabur dalam pembangunan diri rakyatnya secara cekap. Dengan itu, demi mencapai kejayaan, Malaysia mesti mengukuhkan aset paling berharganya dengan memberi tumpuan dan menjadikan rakyatnya satu keutamaan.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh SDG-Borneo 600-RMC/SDG-BORNEO 5/3 (007/2020).

Rujukan

- Aart, K. (2018). *The Human Capital Project*. [dalam talian] openknowledge.worldbank.org. Tersedia di: <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/34849/Structural-Transformation-and-Labor-Market-Performance-in-Ghana.txt?sequence=2&isAllowed=y> [Dicapai pada 12 Mei 2021].
- Corruption Perceptions Index 2020 for Malaysia. (2021). Diambil pada 1 Jun 2021, daripada <https://www.transparency.org/en/cpi/2020/index/mys>
- Deloitte, A.G. (2015). *Industry 4.0 challenges and solutions for the digital transformation and use of exponential technologies*. McKinsey Global Institute. 13, halaman 01-16. Switzerland. Deloitte AG. <https://www2.deloitte.com/content/dam/Deloitte/ch/Documents/manufacturing/ch-en-manufacturing-industry-4-0-24102014.pdf> [Dicapai pada 4 April 2019].

- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia. <https://Www.Dosm.Gov.My/V1/> [Dicapai pada 17 Februari 2019].
- Durgahyeni, M. (2019). *Budget 2020's Health Allocation Not Enough, Analysts Say | CodeBlue*. Diambil pada 30 April 2021 daripada <https://codeblue.galencentor.org/2019/10/16/budget-2020s-health-allocation-not-enough-analysts-say/>
- Loh, S. (2021). *2019 Budget: 4 Ways It Will Impact University Students | EduAdvisor*. Diambil pada 1 Jun 2021, daripada <https://eduadvisor.my/articles/2019-budget-4-ways-it-will-impact-university-students/>
- Malay Mail. (2021). (*Finance minister: Budget 2021 to be bigger than Budget 2020, govt will not reduce projects but will spend more to 'restart' Malaysia's economy | Malay Mail*. (2021). Diambil pada 30 April 2021 daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/11/01/finance-minister-budget-2021-to-be-bigger-than-budget-2020-govt-will-not-re/1918267>
- Halim, F. (2018). *Malaysia's youth unemployment stays high amid skill mismatch - MIDF*. Diambil pada 30 April 2021 daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-youth-unemployment-stays-high-amid-skill-mismatch-%E2%80%94-midf>
- ICEF Monitor (2017). *Intense job competition spurring demand for graduate degrees in Malaysia. Market intelligence for international student recruitment*. <http://monitor.icef.com/2017/10/intense-job-competition-spurring-demand-graduate-degrees> [Dicapai pada 21 Feb. 2018].
- Industry 4wrdr: National Policy On Industry 4.0. (2018). [E-buku] Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, m/s.28. <https://Bit.Ly/3osqkbz> Diambil pada 29 Januari 2021, daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/>.
- Loh, S. (2021). *2019 Budget: 4 Ways It Will Impact University Students | EduAdvisor*. Diambil pada 1 Jun 2021, daripada <https://eduadvisor.my/articles/2019-budget-4-ways-it-will-impact-university-students/>
- Kian Ming, O., & Joshi, D. (2021). *Tracking Malaysia's Development Expenditure in Federal Budgets from 2004 to 2018 - Penang Institute*. Diambil pada 1 Jun 2021, <https://penanginstitute.org/publications/issues/tracking-malaysias-development-expenditure-in-federal-budgets-from-2004-to-2018/>
- Mohd Salleh, N., Emelifeonwu, J., Winterton, J., & Mow Chan, K. (2018). *Work Readiness in Malaysia*. Dalam R. Cameron, D. Subas & B. John, *Transitions from Education to Work Workforce Ready Challenges in the Asia Pacific* (1st ed.). UK: Routledge.
- Mohd Salleh, N., Mapjabil, J., & Legino, R. (2019). *Graduate Work-Readiness In Malaysia*. Dalam S. Dhakal, V. Prikshat, A. Nankervis & J. Burgess, *The Transition from Graduation to Work Challenges and Strategies in the Twenty-First Century Asia Pacific and Beyond* (1st Ed., 25-141). Singapore: Springer Singapore.
- Murugiah, S. (2018). Malaysia ranked 55th in World Bank human capital index. [dalam talian] *The Edge Markets*. Tersedia di: [https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-ranked-55th-world-bank-human-capital-index#:~:text=KUALA%20LUMPUR%20\(Oct%2015\)%3A,Japan%2C%20Hong%20Kong%20and%20Finland.>](https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-ranked-55th-world-bank-human-capital-index#:~:text=KUALA%20LUMPUR%20(Oct%2015)%3A,Japan%2C%20Hong%20Kong%20and%20Finland.>) [Dicapai pada 12 Mei 2021].
- OECD Economic Surveys: Malaysia 2016: Economic Assessment (2016). Diambil pada 30 April 2021 daripada <https://www.oecd.org/economy/surveys/Malaysia-2016-OECD-economic-survey-overview.pdf>

- Osman-Gani AM. (2004). Human capital development in Singapore: An analysis of national policy perspectives. *Advances in Developing Human Resources* (2004). 6(3):276-287.
- Policy.asiapacificenergy.org (2021). Eleventh Malaysia Plan 2016-2020 | ESCAP Policy Documents Management. [dalam talian] Tersedia di: <https://policy.asiapacificenergy.org/node/2508> [Dicapai pada 11 Mei 2021].
- Surendran, S. (2015). Govt allocates RM260b for 11MP development expenditure. Diambil pada 30 April 2021 daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/govt-allocates-rm260b-11mp-development-expenditure>
- Singapore: health expenditure as a share of GDP | Statista. (2021). Diambil pada 1 Jun 2021, <https://www.statista.com/statistics/780864/health-expenditure-share-of-gdp-singapore/>
- UKEssays. (November 2018). Human Capital Development in Malaysia. Diambil daripada <https://www.ukessays.com/essays/economics/the-human-capital-development-in-malaysia-economics-essay.php?vref=1>
- World Bank (2018). Investing in People to Build Human Capital. [dalam talian] Tersedia di: <https://www.worldbank.org/en/news/immersive-story/2018/08/03/investing-in-people-to-build-human-capital> [Dicapai pada 12 Mei 2021].
- World Bank (2020). Who is Keeping Score? Estimating the Number of Foreign Workers in Malaysia. *The Malaysian Development Experience*; World Bank, Malaysia. © World Bank. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/33730> License: CC BY 3.0 IGO.